

Newspaper	Berita Harian
Date	19/08/2017

Sasar tambah Bumiputera raih gaji lebih tinggi

BH- 19/8/2017 pg. 2

➔ SHIP tingkat pembabitan dalam kerjaya berpendapatan lebih RM20,000

Oleh Irwan Shafrizan
Ismail
irwansha@bh.com.my

Putrajaya

Program Kerjaya Berpendapatan Tinggi (SHIP) bakal meningkatkan pembabitan Bumiputera dalam kerjaya berpendapatan lebih RM20,000 sebulan, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, pendapatan tinggi itu dapat dicapai menerusi latihan dan pensijilan khusus dalam bidang terpilih dengan fokus diberikan kepada in-

dustri yang memerlukan tenaga mahir dan profesional seperti perkhidmatan kewangan, perniagaan, kesihatan, maritim dan aeroangkasa.

“Program SHIP ini akan memberi tumpuan kepada mereka yang berpendapatan pertengahan dengan pengalaman bekerja yang berkaitan. Kursus di bawah program dibiayai Bank Rakyat ini akan mengambil tempoh masa tiga hingga lima tahun.

“Apa yang menarik bagi program ini apabila seseorang tamat program pengkhususan akan dapat pertimbangan pengurangan pinjaman maksimum 20 peratus dan ini adalah satu insentif,” katanya berucap pada Majlis Pelancaran Program Kerjaya Berpendapatan Tinggi (SHIP) dan #iniceritasaya di sini, semalam.

Program baharu itu dipersejuti Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (Yayasan Peneraju) dipengerusikan Perdana Menteri.

Perdana Menteri turut meluangkan masa beramah mesra dengan penerima manfaat daripada program di bawah kendalian Yayasan Peneraju yang mana kejayaan mereka dibukukan dalam #iniceritasaya edisi kedua bagi memberi inspirasi kepada generasi muda.

Permohonan dibuka penghujung September

Najib juga berkata, permohonan penyertaan akan dibuka pada penghujung September ini dengan fasa pertama akan memabitkan 50 penerima faedah dengan pembiayaan maksimum RM10 juta dalam industri perkhidmatan kewangan, kesihatan dan teknologi.

“Fasa seterusnya akan bermula tahun depan dengan lebih banyak lagi bidang kepakaran dan industri yang akan diperkenalkan secara berperingkat memabitkan 250 penerima.

“Mereka yang berminat boleh mendapatkan maklumat lanjut

berkenaan program ini di laman web Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera,” katanya.

Perdana Menteri juga berkata, Yayasan Peneraju menerusi tiga terasnya iaitu Peneraju Tunas, Peneraju Skil dan Peneraju Profesional sudah mencapai sasaran membangunkan lebih 16,000 bakat Bumiputera melalui 200 program yang memabitkan perbelanjaan RM435 juta.

“Ini bermakna 40 peratus daripada sasaran untuk membangunkan 40,000 bakat Bumiputera menjelang 2020 sudah berjaya dicapai. Pada penghujung tahun ini, bilangan ini akan meningkat kepada 20,000 seperti disasarkan,” katanya.

Perdana Menteri juga berbangga dengan kadar memberangsangkan pengambilan bekerja terhadap penerima faedah program Yayasan Peneraju yang sudah meningkat kepada 90 peratus berbanding 77 peratus yang dicapai tahun sebelumnya.